

**PEMUPUKAN WAJA DIRI KANAK-KANAK
PRASEKOLAH**

CHEE SIEW LAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

PEMUPUKAN WAJA DIRI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

oleh

CHEE SIEW LAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

Mei 2011

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Nor Hashimah Binti Hashim atas bimbingan yang diberikan sepanjang masa kajian ini dijalankan. Saya juga amat berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas biasiswa yang ditawarkan kepada saya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Profesor Dr. Abdul Rashid Mohamed dan pensyarah-pensyarah USM, khasnya Profesor Madya Dr. Anna Christina Abdullah, Profesor Madya Dr. Hairul Nizam Ismail, Profesor Madya Dr. Khadijah Zon, Profesor Madya Dr. Kamarul Kabilan, Profesor Madya Dr. Balakrishnan Muniandy, Profesor Madya Dr. Lim Chap Sam, Dr. Hashimah Mohd. Yunus, Dr. Norizan Esah, Profesor Dr. See Ching Mey, Dr. Tan Kok Eng dan Profesor Madya Dr. Lee Lay Wah kerana memberi cadangan yang tidak ternilai. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada Puan Sri Datin Profesor Dr. Rohaty Mohd. Majzub, Profesor Madya Dr. Daud Hamzah, Dr. Lee Wai Heng, Paul LeBuffe, Darlene Kordich Hall, Dr. Gan We Ling, Dr. Baharudin Yaacob, Encik Lee Peng Song, Encik Tan Eng Huat dan Puan Lee Gay Wah atas cadangan yang diberikan.

Saya amat menghargai sokongan padu daripada guru besar sekolah, guru prasekolah, pembantu prasekolah, ibu bapa subjek kajian dan subjek kajian. Selain itu, saya juga ingin melahirkan rasa penghargaan saya kepada pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, suami dan anak-anak saya atas sokongan yang diberikan selama ini.

KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii

BAB1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Rasional Kajian	8
1.5	Tujuan dan Objektif Kajian	9
1.6	Soalan Kajian	9
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	13
	1.8.1 Kanak-kanak Prasekolah	13
	1.8.2 Pemupukan	14
	1.8.3 Waja Diri	14
	1.8.4 Faktor Pelindung	14
	1.8.5 Strategi	16
	1.8.6 Kaedah	16
	1.8.7 Pendekatan	16
	1.8.8 Aktiviti	17
	1.8.9 Tindak Balas	17
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Batasan Kajian	19
1.11	Rumusan	19

BAB 2 TINJAUAN BACAAN

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Konsep Waja Diri	21
2.3	Faktor Pelindung	24
	2.3.1 Faktor Pelindung Individu	25
	2.3.2 Faktor Pelindung di Sekolah	27
	2.3.3 Fokus Faktor Pelindung dalam Kajian	27
	2.3.3.1 Hubungan Rapat	28
	2.3.3.2 Pengawalan Diri	29
	2.3.3.3 Daya Usaha	42
2.4	Faktor Risiko	43
2.5	Model Pemupukan Waja Diri	44

2.5.1	Model Benard	44
2.5.2	Model Henderson & Milstein	46
2.5.3	Model Wolin dan Wolin	47
2.6	Model-Model Memupuk Waja Diri Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah	48
2.6.1	Model <i>Devereux Early Childhood Initiative</i> (DECI)	48
2.6.2	Model <i>Reaching In Reaching Out</i>	51
2.6.3	Perkaitan Model-Model Memupuk Waja Diri dengan Kajian	56
2.7	Teori -Teori yang Menyokong Waja Diri	56
2.7.1	Teori Hubungan Rapat	57
2.7.2	Teori Personaliti dan Perkembangan Sosio Emosi: Perspektif Psikososial	60
2.7.3	Teori Personaliti dan Perkembangan Sosio Emosi: Perspektif Kognitif	62
2.7.4	Teori Personaliti dan Perkembangan Sosio Emosi: Perspektif Sosial Kognitif	63
2.8	Program Waja Diri	67
2.9	Prasekolah di Malaysia	71
2.9.1	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan	72
2.9.2	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-Kanak	76
2.9.3	Susunan Aktiviti Harian	80
2.10	Pemahaman Tingkah Laku Kanak-Kanak	81
2.11	Penyelidikan Waja Diri Kanak-Kanak di Luar Negara	83
2.12	Penyelidikan Waja Diri di Malaysia	88
2.13	Kerangka Teori Kajian	92
2.14	Rumusan	94

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	96
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.3	Subjek Kajian	99
3.3.1	Guru	100
3.4	Kaedah Mengutip Data	101
3.4.1	Pemerhatian	101
3.4.1.1	Borang Catatan Pemerhatian	102
3.4.1.2	Senarai Semak	102
3.4.1.3	Rakaman Video	105
3.4.2	Temu Bual	106
3.4.2.1	Rakaman Audio	107
3.4.3	Analisis Dokumen	108
3.5	Kajian Rintis	109
3.5.1	Kesahan Instrumen	112
3.5.2	Kesahan Data	113
3.6	Strategi-Strategi Pemupukan Waja Diri	116
3.6.1	Strategi yang Diubah Suai daripada Program DECI	116

3.6.2	Strategi yang Diubah Suai daripada Program <i>Reaching In Reaching Out</i>	120
3.6.3	Cara-Cara Strategi Pemupukan Waja Diri Meningkatkan Faktor-Faktor Pelindung Kanak-Kanak Prasekolah	121
3.6.4	Pelaksanaan Strategi-Strategi Pemupukan Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah	125
3.6.5	Perkaitan Strategi–Strategi dengan Faktor Pelindung	126
3.7	Tatacara Pelaksanaan Kajian	129
3.8	Tatacara Analisis Data	136
3.8.1	Semasa Pengumpulan Data	137
3.8.2	Selepas Pengumpulan Data	138
3.9	Rumusan	143

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	144
4.2	Latar Belakang Subjek Kajian	144
4.2.1	Subjek 1 (S1)	145
4.2.2	Subjek 2 (S2)	146
4.2.3	Subjek 3 (S3)	147
4.2.4	Subjek 4 (S4)	148
4.2.5	Subjek 5 (S5)	149
4.2.6	Subjek 6 (S6)	150
4.3	Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah Berasaskan Faktor Pelindung (SK1)	152
4.3.1	Hubungan Rapat	152
4.3.1.1	Sebelum Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan	152
4.3.1.2	Peringkat Pertama: Lapan Minggu Pertama Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan	159
4.3.1.3	Peringkat Kedua: Lapan Minggu Lagi Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan	165
4.3.2	Pengawalan Diri	169
4.3.2.1	Sebelum Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan	170
4.3.2.2	Peringkat Pertama (Lapan Minggu Pertama Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan)	174
4.3.2.3	Peringkat Kedua (Lapan Minggu Lagi Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan)	179
4.3.3	Daya Usaha	183
4.3.3.1	Sebelum Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan	183
4.3.3.2	Peringkat Pertama (Lapan Minggu Pertama Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan)	186
4.3.3.3	Peringkat Kedua (Lapan Minggu Lagi Strategi Pemupukan Waja Diri Dijalankan)	190
4.3.4	Rumusan Waja Diri	193
4.4	Tindak Balas Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Aktiviti Pemupukan Waja Diri dalam Kelas (SK2)	213

4.5	Cara Strategi Pemupukan Waja Diri Meningkatkan Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah (SK3)	228
4.5.1	Hubungan Rapat	228
4.5.2	Pengawalan Diri	234
4.5.3	Daya Usa	238
4.6	Rumusan	242

BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1	Pendahuluan	243
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	243
5.2.1	Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah Berasaskan Faktor Pelindung (SK1)	243
5.2.2	Tindak Balas Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Aktiviti Pemupukan Waja Diri di Kelas (SK2)	247
5.2.3	Cara Strategi Pemupukan Waja Diri Meningkatkan Waja Diri Kanak-Kanak (SK3)	250
5.2.3.1	Hubungan Rapat	250
5.2.3.2	Pengawalan Diri	252
5.2.3.3	Daya Usaha	253
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	255
5.3.1	Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah Berasaskan Faktor Pelindung (SK1)	255
5.3.2	Tindak Balas Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Aktiviti Pemupukan Waja Diri di Kelas (SK2)	261
5.3.3	Cara Strategi Pemupukan Waja Diri Meningkatkan Waja Diri Kanak- Kanak (SK3)	266
5.4	Implikasi Kajian	271
5.5	Cadangan	277
5.5.1	Cadangan Kajian Masa Depan	277
5.5.2	Cadangan Pedagogi	279
5.6	Kesimpulan	280

RUJUKAN	282
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A:	Program Pemupukan Waja Diri	291
Lampiran A1:	Strategi Program Harian	292
Lampiran A2:	Strategi Aktiviti dan Pengalaman	295
Lampiran A3:	Strategi Interaksi yang Menyokong	299
Lampiran A4:	Strategi Pemikiran yang Fleksibel	302
Lampiran B:	Contoh Rancangan Aktiviti Harian	303
Lampiran C:	Contoh Cara Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran	304
Lampiran D:	Borang Penilaian <i>Devereux</i> Peringkat Awal Kanak-Kanak	305

Lampiran E:	Kod-Kod Item Dalam Kajian	308
Lampiran F:	Senarai Semak Faktor Pelindung Kanak-Kanak Prasekolah	310
Lampiran G:	Contoh Senarai Semak Faktor Pelindung Kanak-Kanak Prasekolah	312
Lampiran H:	Contoh Senarai Semak Cara Guru Menjalankan Kaedah Pemupukan Waja Diri Kanak-Kanak	323
Lampiran I:	Contoh Analisis Catatan Pemerhatian Mengenai S1 (Sebahagian)	324
Lampiran J:	Contoh Analisis Temu Bual dengan Guru	328
Lampiran K:	Contoh Analisis Temu Bual dengan Ustazah	333
Lampiran L:	Contoh Analisis Temu Bual dengan Pembantu Guru	340
Lampiran M:	Contoh Analisis Temu Bual dengan Penjaga	344
Lampiran N:	Contoh Temu Bual dengan Kanak-Kanak	347
Lampiran O:	Ciri-Ciri Faktor Pelindung Hubungan Rapat bagi Enam Subjek Kajian	349
Lampiran P:	Ciri-Ciri Faktor Pelindung Pengawalan Diri bagi Enam Subjek Kajian	371
Lampiran Q:	Ciri-Ciri Faktor Pelindung Daya Usaha bagi Enam Subjek Kajian	387
Lampiran R:	Surat Kebenaran daripada pengarah DECI	401
Lampiran S:	Surat Kebenaran daripada penyelaras projek RIRO	402
Lampiran T:	Surat Kepada Waris	403
Senarai Kertas	Pembentangan	404

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Pemahaman Tingkah Laku Kanak-k anak 82-83
Jadual 3.1a	Item Hubungan Rapat dalam Senarai Semak 104
Jadual 3.1b	Item Pengawalan Diri dalam Senarai Semak 104
Jadual 3.1c	Item Daya Usaha dalam Senarai Semak 105
Jadual 3.2	Hubungan antara Soalan Kajian, Data yang Diperlukan, Sumber Data dan Kaedah Mengumpul Data 109
Jadual 3.3	Ringkasan Tatacara Pelaksanaan Kajian Rintis 110
Jadual 3.4	Cara-Cara Strategi Pemupukan Waja Diri Mempengaruhi Faktor-Faktor Pelindung Kanak-Kanak Prasekolah 121-125
Jadual 3.5	Pelaksanaan Strategi Pemupukan Waja Diri Kanak-kanak Prasekolah 126
Jadual 3.6	Strategi Program Harian untuk Memupuk Waja Diri 127
Jadual 3.7	Strategi Aktiviti dan Pengalaman untuk Memupuk Waja Diri 127
Jadual 3.8	Strategi Interaksi yang Menyokong untuk Memupuk Waja Diri 128
Jadual 3.9	Sesi Latihan Guru Prasekolah 130
Jadual 3.10	Ringkasan Tatacara Mengutip Data 136
Jadual 4.1	Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah Sebelum Strategi Kajian Dijalankan 194-199
Jadual 4.2	Keadaan Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah pada Peringkat Pertama 201-205
Jadual 4.3	Keadaan Waja Diri Kanak-Kanak Prasekolah pada Peringkat Kedua 208-212

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
Rajah 2.1 Model Pemupukan Waja Diri oleh Bonnie Benard	45
Rajah 2.2 Langkah-Langkah Menjalankan Program DECA	50
Rajah 2.3 Kerangka Teori Kajian	94
Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian Kes	98
Rajah 3.2 Triangulasi Data yang Dikutip	115
Rajah 5.1 Proses Perkembangan Waja Diri Kanak-kanak Corak (a)	247
Rajah 5.2 Proses Perkembangan Waja Diri Kanak-Kanak Corak (b)	247

SENARAI KATA SINGKATAN

DECA	Devereux Early Childhood Assessment
DECI	Devereux Early Childhood Initiative
DU	Daya Usaha
HR	Hubungan Rapat
KD	Pengawalan Diri
LV	Laporan Video
NP	Nota Pemerhatian
PRP	Program Penn Resilience
RIRO	Reaching In Reaching Out
S	Subjek
SK	Soalan Kajian
SSMFLS1/1	Senarai Semak Faktor Pelindung S1 pada Kali Pertama
TBBGS4/1	Temu Bual dengan Pembantu Guru Mengenai S4 pada Kali Pertama
TBGS1/1	Temu Bual dengan Guru Mengenai S1 pada Kali Pertama
TBJS2/1	Temu Bual dengan Penjaga Mengenai S2 pada Kali Pertama
TBUS1/1	Temu Bual dengan Uztazah Mengenai S1 pada Kali Pertama

PEMUPUKAN WAJA DIRI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah melalui strategi pengajaran yang dijalankan oleh guru prasekolah. Sehubungan itu, waja diri kanak-kanak prasekolah telah dikenal pasti berasaskan tiga faktor pelindung, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha mengikut dua tempoh kajian dijalankan, iaitu tempoh sebelum strategi pemupukan waja diri dijalankan dan tempoh strategi pemupukan waja diri dijalankan. Dalam tempoh strategi pemupukan waja diri dilaksanakan, strategi pemupukan waja diri yang sama telah dilaksanakan dalam dua peringkat yang masing-masing mengambil masa lapan minggu. Selain itu, tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti-aktiviti pemupukan waja diri yang dilaksanakan diteliti. Cara strategi pemupukan waja diri yang dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak prasekolah juga turut dikenal pasti.

Sejajar dengan tujuan kajian, kajian kes berbentuk kualitatif telah dilaksanakan dengan berpandukan program yang telah diubah suai daripada Program *Devereux Early Childhood Initiative* – DECI (Koralek, 1999) dan Projek *Reaching In Reaching Out* – RIRO (Hall, 2003) mengikut konteks Malaysia. Data utama dikutip melalui pemerhatian enam kanak-kanak prasekolah. Data lanjutan mengenai subjek kajian dikutip melalui temu bual dengan guru, pembantu guru dan penjaga subjek kajian. Buku rekod peribadi dan rekod perkembangan subjek kajian telah diteliti. Tatacara mengutip data bagi kajian ini diubah suai daripada Program *Devereux Early Childhood Assessment*. Data dianalisis semasa dan selepas pengumpulan data dengan berpandukan pendekatan oleh Boyatzis (1995), Mertens (1998), Miles dan Huberman (1994).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pemupukan waja diri boleh digunakan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah. Pada akhir peringkat kedua strategi

pemupukan waja diri dijalankan, waja diri semua enam subjek kajian dapat dipertingkatkan dengan bertambahnya hubungan rapat antara subjek kajian dengan guru dan rakan; pengawalan diri dan daya usaha subjek kajian juga meningkat.

Sepanjang 16 minggu strategi pemupukan waja diri dijalankan di dalam kelas, tindak balas oleh subjek kajian telah memperlihatkan ciri-ciri hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha. Subjek kajian berminat kepada aktiviti yang dilaksanakan dan memberi maklum balas masing-masing semasa aktiviti dijalankan.

Dapatan kajian juga menunjukkan semasa aktiviti dilaksanakan, interaksi yang aktif antara subjek kajian dengan guru serta rakan telah menyebabkan faktor pelindung hubungan rapat meningkat. Ciri hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha subjek kajian dapat dipupuk melalui keseronokan aktiviti selain dapat mengawal diri melalui amalan nilai murni. Mereka juga dapat mengekalkan kestabilan emosi di samping penerapan pemikiran yang kritis. Subjek kajian dirangsang berfikir dan berdaya usaha untuk memberi pendapat. Selain itu, mereka dapat mempelajari pelbagai jenis kemahiran dan keyakinan diri turut bertambah.

FOSTERING RESILIENCE AMONG PRESCHOOLERS

ABSTRACT

The purpose of this study was to explore the process of fostering resilience among pre-schoolers through the teaching strategies conducted by a preschool teacher. With respect to this, the resilience of the preschoolers was identified based on three protective factors, namely attachment, self-control and initiative in each of the two periods of this study; one before the strategies to foster resilience were carried out and the other during which the same strategies were conducted in two stages with a duration of eight weeks each. Apart from that, the preschoolers' reactions towards the fostering activities were observed. This study also identified how the strategies increased the resilience of the preschoolers.

In view of the purposes of the study, a qualitative case study was conducted and a programme adapted from the *Devereux Early Childhood Initiative Programme* - DECI (Koralek, 1999) and *Reaching In Reaching Out Project* - RIRO (Hall, 2003) to suit the local Malaysian context was used to foster the three protective factors of the preschoolers. Data were collected mainly through observations on six preschoolers. Further data about the preschoolers were collected through interviews with teachers, a teacher assistant and guardians as well as from subjects' individual and developmental records. The procedure for collecting data was adapted from *Devereux Early Childhood Assessment Programme*. Data was analysed during and after the data was collected using the approaches of Boyatzis (1995), Mertens (1998) and Miles and Huberman (1994).

The findings showed that the strategies could be used to foster the resilience of the preschoolers. At the end of the second stage of carrying out the strategies of fostering resilience, resilience of all the six subjects of study was fostered with increased attachment between subjects of study and the teacher, as well as with their friends. Self-control and initiative of the subjects of study also increased.

During the 16 weeks of carrying out the strategies of fostering resilience in the class, the reactions of the subjects of the study had exhibited characteristics of attachment, self-control and initiative. They were interested in the activities carried out and were able to voice out their opinions during the activities.

Another significant finding was that the increased interactions between the preschoolers and the teacher as well as among the preschoolers had caused the increase of the protective factor, attachment. Apart from that, the characteristics of attachment, self-control and initiative were fostered through the fun element of the activities. The subjects had better self-control through the fostering of acts of morality. They could maintain stable emotions too. Furthermore, critical thinking was fostered. The subjects of the study were stimulated to think and take the initiative to express their opinions. Besides this, they had learned various skills and their self-confidence increased.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Cabaran abad ke-21 memerlukan masyarakat Malaysia bersaing pada peringkat global. Justeru itu, rakyat harus mempunyai pemikiran yang positif terhadap perubahan untuk memastikan peralihan ini berjalan lancar. Generasi muda diharapkan mempunyai hati yang tabah dan melihat segala kesusahan sebagai proses untuk mencapai sesuatu yang dicita-citakan. Sehubungan itu, sekolah sebagai agen pemasyarakatan, perlu menyemai benih daya ketahanan yang tinggi ataupun waja diri (Shahabudin Hashim & Rohizani Yaakub, 2004). Negara kita memerlukan kanak-kanak yang mempunyai personaliti waja diri supaya tabah menghadapi segala cabaran hidup dan memiliki tingkah laku yang terkawal dan berperasaan tenang, memiliki kasih sayang, dapat menghargai dan menilai keindahan.

Pemupukan waja diri harus bermula dari prasekolah lagi supaya dapat membina sikap positif dan akhlak yang baik ke arah penyuburan potensi yang optimum. Hall (2003) menyarankan bahawa pemupukan waja diri pada tahap prasekolah dapat membawa kepada kebaikan seperti (i) peningkatan perkembangan waja diri kanak-kanak hingga tahap yang tinggi, (ii) membantu kanak-kanak bersiap sedia untuk menangani kesusahan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan, dan (iii) membawa kepada pengalaman yang berkualiti yang dapat mengurangkan hasil negatif.

Kanak-kanak yang berkebolehan menangani situasi yang mengecewakan mereka sejak kecil lagi menunjukkan bahawa mereka aktif dan memperoleh pencapaian tinggi di sekolah (Halverson & Waldrup, 1974). Maka sejak prasekolah lagi, pemupukan personaliti waja diri harus ditekankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Waja diri merupakan kebolehan individu untuk menangani kesusahan atau tekanan dengan cara yang bukan sahaja berkesan, tetapi juga menghasilkan kebolehan yang meningkatkan tindak balas menghadapi kesusahan secara membina (*Resiliency Canada*, 2003). Dengan waja diri, tekanan dan kesusahan hidup dapat diatasi (Hall, 2003). Seseorang yang mempunyai waja diri dapat menangani kemurungan, kesulitan dan mengatasi kekurangan yang dihadapi pada sesuatu tempoh. Setiap orang harus menangani tekanan dan trauma dalam proses kehidupan. Mengikut Reivich dan Shatte (2002), dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan melebihi lima puluh tahun (Seligman, 1995; Werner & Smith, 2001) menunjukkan bahawa orang yang mempunyai waja diri dapat hidup dengan lebih sihat, berumur lebih panjang, berjaya dalam pencapaian akademik dan kerjaya, berasa lebih gembira dalam pergaulan sosial dan kurang kecenderungan ke arah kemurungan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, Hall (2003) mendapati waja diri dapat dipelajari. Beliau menambah bahawa sesetengah kemahiran yang membantu membina faktor pelindung dalaman boleh dipelajari dan diperkenalkan kepada kanak-kanak pada peringkat awal umur. Kemahiran yang membantu penggunaan pemikiran yang fleksibel dan lebih jitu dapat dihayati oleh kanak-kanak sejak kecil lagi dan dapat meningkatkan secara optimum perkembangan waja diri (Seligman, 1995). Di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat dan Kanada, beberapa kajian telah dijalankan untuk memahami dan meningkatkan waja diri dalam kalangan kanak-kanak (Seligman, 1995; Henderson & Milstein, 2003; Hall, 2003). Kini saranan memperkasakan waja diri kanak-kanak bukan sahaja wujud dalam kalangan ahli-ahli sains sosial secara khusus tetapi juga dalam kalangan para pendidik pada amnya. Para pendidik mulai menyedari kepentingan peranan sekolah sebagai institusi untuk memupuk waja diri pelajar. Berdasarkan bukti saintifik (Henderson & Misltein, 2003), mereka yang mengalami tekanan, trauma dan risiko dalam kehidupan dapat dipulihkan dengan cepat. Teori dan strategi-strategi yang wujud telah mendorong para pendidik memberikan perhatian kepada faktor kekuatan daripada faktor kekurangan yang

meningkatkan pembinaan waja diri kanak-kanak. Hal ini membawa pemindahan penumpuan daripada faktor risiko kepada faktor pelindung. Henderson dan Milstein (2003) menyarankan sekolah dapat memperkembangkan faktor pelindung kanak-kanak dengan membina tindak balas kanak-kanak supaya bersifat waja diri melalui keadaan persekitaran, pendekatan pendidikan, kurikulum yang sesuai dan program intervensi.

Mengikut Werner dan Smith (1990), pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dipercayai dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak digambarkan sebagai percubaan untuk mengubah keseimbangan daripada kesusahan ke arah keanjalan dengan pengurangan pendedahan faktor-faktor risiko atau penambahan faktor-faktor pelindung. Memandangkan peri pentingnya waja diri kepada seseorang, pendidikan waja diri seharusnya ditekankan sejak kanak-kanak masih kecil lagi. Dari sorotan kajian (Koralek, 1999; Hall, 2003), didapati program-program pemupukan waja diri telah dijalankan di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Kanada ke atas kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian (Koralek, 1999; Hall, 2003) menunjukkan bahawa kesan-kesan program tersebut amat memberangsangkan. Huraian selanjutnya tentang program-program tersebut akan dibincangkan dalam Bab 2.

Di Malaysia, masih tiada program intervensi diadakan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah. Tinjauan bacaan menunjukkan bahawa pendidikan prasekolah di Malaysia dapat dikelaskan kepada tiga jenis yang utama berasaskan kepada badan yang menganjurkan pendidikan prasekolah, iaitu agensi kerajaan dan separa kerajaan, organisasi sukarela dan persendirian. Namun, Kementerian Pelajaran bertanggungjawab menyediakan kurikulum prasekolah (Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2003). Daripada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a) dapat diteliti bahawa pendidikan prasekolah adalah secara holistik, iaitu bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak prasekolah dalam semua aspek. Selain itu, kurikulum tersebut bermatlamat memupuk sikap positif kanak-kanak sebagai persediaan ke sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a). Hal ini memberikan implikasi

bahawa program pendidikan prasekolah diharapkan dapat menjadi asas untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai waja diri. Sehubungan itu, guru prasekolah wajar menggunakan strategi-strategi yang tuntas agar dapat memupuk waja diri kanak-kanak dengan berkesan. Kefahaman tentang cara waja diri dipupuk adalah penting.

Program-program *Devereux Early Childhood Initiative* (Koralek, 1999) atau DECI, dan *Reaching In Reaching Out* (Hall, 2003) atau RIRO telah berjaya memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah. DECI berasal dari Amerika. DECI merangkumi empat bahagian aktiviti yang utama, iaitu penilaian, strategi bilik darjah, bekerjasama dengan ahli keluarga kanak-kanak dan tindakan susulan yang berterusan (Koralek, 1999). Tujuan utama DECI dijalankan adalah untuk: 1) mengenal pasti dan membina faktor pelindung kanak-kanak prasekolah, dengan tujuan untuk meningkatkan waja diri kanak-kanak, dan 2) mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai masalah tingkah laku dan strategi berkenaan dijalankan (LeBuffe & Naglieri, 2010). *Reaching In Reaching Out* atau RIRO pula merupakan program dari Kanada yang mengajar kanak-kanak prasekolah waja diri melalui kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah (Pearson & Hall, 2006). Kemahiran tersebut dapat memupuk waja diri kanak-kanak, membantu kanak-kanak semasa menghadapi konflik dan mengurangkan risiko kemurungan. Memandangkan kedua-dua program tersebut dapat membantu meningkatkan waja diri kanak-kanak, maka strategi-strategi daripada program tersebut boleh diubah suai mengikut konteks Malaysia untuk digunakan bagi meninjau proses waja diri kanak-kanak prasekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Alaf baru membawa banyak cabaran. Kanak-kanak terdedah kepada pelbagai jenis risiko. Di Malaysia, kebelakangan ini, kes-kes juvenil yang melibatkan kanak-kanak semakin meningkat. Terdapat kes-kes yang membimbangkan seperti kes pembulian oleh pelajar senior ke atas junior dan kes cabul seorang kanak-kanak perempuan yang berumur lapan tahun oleh seorang kanak-kanak lelaki yang berumur 12 tahun (Rosfizah Md. Taib,

2005). Selain itu, terdapat banyak kes penderaan dilaporkan dalam media cetak dan elektronik, khususnya penderaan terhadap kanak-kanak (Khairul Azhar Idris, 2010), merupakan perlakuan yang amat ganas kerana terdapat kejadian yang membawa kepada kematian. Mengikut laporan Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang (2010), kes penderaan kanak-kanak di Malaysia meningkat daripada 1242 kes pada tahun 2002 kepada 2279 kes pada tahun 2007. Tambahan lagi, data Kementerian Pelajaran Malaysia serta statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan jumlah salah laku melibatkan remaja masih bersekolah semakin meningkat (Khairul Azhar Idris, 2010). Perkara yang makin membimbangkan masyarakat apabila data tersebut menunjukkan pelajar sekolah bukan sahaja sekadar terlibat dalam kelakuan tidak sopan, melanggar peraturan sekolah seperti bising dalam kelas, datang lewat ke sekolah, ponteng tetapi juga menjangkau kepada perlakuan jenayah seperti gengsterisme, melakukan gangguan seksual, merogol malah hingga kepada membunuh.

Gejala sosial membuli juga mengejutkan masyarakat Malaysia dengan berita tentang perlakuan ganas pelajar sekolah. Kes-kes buli bukan sahaja berlaku di sekolah menengah, malah berlaku di sekolah rendah. Maznah Ismail (2000) menyatakan bahawa perlakuan ganas tersebut boleh menggugat suasana emosi dalam bilik darjah dan sekolah sehingga meninggalkan kesan negatif terhadap kesejahteraan, keyakinan diri dan kemajuan akademik pelajar yang dibuli. Seterusnya, Maznah Ismail (2000) menegaskan bahawa seseorang yang membuli mempunyai keyakinan yang rendah, tidak mendapat perhatian dan kurang pandai dalam pelajaran. Seseorang yang dibuli pula mempunyai keyakinan diri yang rendah dan tidak mampu mempertahankan diri daripada dibuli.

Gejala-gejala sosial menunjukkan bahawa kanak-kanak di Malaysia lemah daya ketahanan diri terutama semasa menghadapi kesusahan atau cabaran hidup sehingga ada yang cuba mengelakkan diri daripada menghadapi kenyataan dengan menagih dadah, membuli untuk mengimbangkan kelemahan dalam diri mereka, dibuli kerana tidak berani melawan atau melaporkan kejadian pembuli kepada pihak yang berkuasa (Maznah Ismail,

2000). Bagaimana keadaannya di luar negara? Sebenarnya kanak-kanak di luar negara juga menghadapi persekitaran hidup yang berisiko. Contohnya, di Amerika Syarikat, tiap-tiap tahun terdapat hampir sejuta laporan mengenai penderaan kanak-kanak (U.S. Department of Health and Human Services, 2001). Bukan itu sahaja, jumlah kes yang tidak dibawa ke dalam perhatian autoriti tidak dapat terhitung. Penderaan telah membawa kesan yang buruk kepada kanak-kanak yang terlibat, contohnya kekurangan dalam perhubungan interpersonal, kurang dapat mengawal diri dan seterusnya mempengaruhi perkembangan sendiri (Maughan & Cicchetti, 2002). Keadaan ini telah menyebabkan banyak kajian dijalankan ke atas kanak-kanak yang telah didera. Dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor pelindung dapat membantu kanak-kanak yang hidup dalam persekitaran yang berisiko tinggi berkembang dengan baik (Werner & Smith, 1989). Akibatnya, pengkaji-pengkaji telah mengenal pasti faktor-faktor pelindung yang dapat memupuk waja diri. Seterusnya pemupukan waja diri kanak-kanak dianggap penting dalam abad ke-21 ini (Thomsen, 2002). Program-program telah dijalankan di luar negara untuk memupuk waja diri kanak-kanak. Kesan program-program tersebut amat memberangsangkan (rujuk Bab 2).

Sehubungan itu, waja diri kanak-kanak harus dipupuk sejak pada tahap prasekolah lagi. Dengan mempunyai waja diri, seseorang akan tabah menghadapi cabaran hidup, dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan mencari langkah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Seperti yang disarankan oleh Seligman (1995), melalui program pemupukan waja diri, kemahiran sosial dan kemahiran menyelesaikan masalah dapat ditambahbaikkan dan keyakinan diri seseorang dapat dipertingkatkan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, waja diri harus dipupuk sejak tahap prasekolah lagi.

Sekolah sebagai agen pemasyarakatan harus menyemai benih waja diri dalam kalangan pelajar (Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub, 2004). Kementerian Pendidikan Malaysia (2003b) telah berusaha merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah. Namun, program waja diri yang dijalankan di

sekolah rendah dan sekolah menengah hanya melibatkan murid berisiko atau kumpulan sederhana yang berpotensi terlibat dengan gejala dadah; bukan semua murid terlibat. Memandangkan pelbagai ragam krisis akhlak dan moral kini terus menular dalam masyarakat kita khasnya dalam kalangan remaja, maka wujud persoalan bilakah pendidikan waja diri harus dilaksanakan? Jawapannya ialah sejak tahap prasekolah lagi. Seperti yang disarankan oleh Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2004), waja diri harus dimiliki oleh semua orang kerana personaliti yang bernilai tinggi ini membekalkan tenaga kepada seseorang untuk menghadapi sebarang situasi yang memundurkan diri dan tidak disangka-sangka.

Semua kanak-kanak harus didedahkan kepada program waja diri yang bermatlamat untuk memperkukuhkan waja diri mereka agar dapat mencapai aspirasi negara untuk merealisasikan wawasan 2020 dengan mewujudkan masyarakat yang maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan perkara yang ada dan yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Tambahan lagi, mencegah adalah lebih baik daripada mengubatinya. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh menghayati kemahiran waja diri sejak awal lagi (Hall, 2003; Koralek, 1999). Mengikut Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2003), peringkat prasekolah adalah masa terbaik untuk perkembangan kanak-kanak.

Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak lebih mudah menerima pengaruh persekitaran dan pengajaran. Peringkat masa tersebut merupakan masa terbaik berlaku perubahan yang penting untuk pelbagai perkembangan berasaskan proses dan kemampuan. Sehubungan itu, lebih awal melaksanakan program memupuk waja diri lebih beruntunglah kanak-kanak di negara kita. Dengan itu, waja diri harus dipupuk pada masa prasekolah lagi. Program waja diri yang dijalankan di luar negara telah dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak prasekolah (Hall, 2003). Bagaimanakah keadaan waja diri kanak-kanak prasekolah di Malaysia kalau strategi-strategi pemupukan waja diri dilaksanakan? Apakah tindak balas

kanak-kanak tersebut? Adakah kanak-kanak juga menunjukkan ciri-ciri waja diri mereka dapat dipertingkatkan? Masalah-masalah di atas telah mendorong kajian ini dijalankan untuk meneroka proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah.

1.4 Rasional Kajian

Hasrat negara kita untuk membentuk modal insan yang memiliki ciri-ciri berdaya saing pada peringkat global dan lokal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001) membangkit kesedaran bahawa waja diri harus dipupuk dalam kalangan generasi muda, khasnya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Waja diri merupakan suatu mekanisme pelindung yang dapat membantu seseorang menyesuaikan diri dengan baik dan boleh menangani kesusahan yang dihadapi dengan cekap. Di samping itu, dapatan kajian oleh pengkaji waja diri (Hall, 2003; Resiliency 101, 2003) menunjukkan bahawa kebanyakan ciri yang berkaitan dengan waja diri boleh dipelajari. Sekolah memainkan peranan yang penting dengan membina kebolehan mengatasi kesusahan, menyesuaikan diri terhadap tekanan dan membina kecekapan dalam aspek sosial, akademik dan vokasional (Henderson & Milstein, 2003). Di luar negara, terdapat program-program yang dijalankan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah dan juga pelajar-pelajar sekolah. Kajian-kajian juga dijalankan untuk meneliti kesan program-program tersebut. Di Malaysia, masih tiada program dijalankan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah. Selain itu, juga tiada kajian dijalankan mengenai pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah.

Difikirkan sebagai permulaan, satu kajian mengenai penerokaan proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah harus dilaksanakan. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah. Strategi-strategi pemupukan waja diri dari program DECI dan projek RIRO diubah suai mengikut konteks Malaysia digunakan dalam kajian ini. Melalui tindak balas yang ditunjukkan oleh kanak-kanak terhadap strategi pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah, pengkaji dapat membuat satu rumusan tentang cara strategi kajian meningkatkan waja diri kanak-kanak.

1.5 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah melalui strategi-strategi program harian, aktiviti dan pengalaman, interaksi yang menyokong serta penggunaan strategi pemikiran yang fleksibel.

Objektif-objektif khusus kajian ini ialah:

1. mengenal pasti waja diri kanak-kanak prasekolah berasaskan faktor pelindung hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha sepanjang proses pemupukan waja diri diadakan.
2. meneliti tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti-aktiviti pemupukan waja diri yang diadakan di dalam kelas.
3. menganalisis cara strategi pemupukan waja diri dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak prasekolah .

1.6 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian berikut telah dirangka untuk mencapai objektif khusus kajian tersebut.

1. Bagaimanakah waja diri kanak-kanak prasekolah berasaskan faktor pelindung hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha sepanjang proses pemupukan waja diri diadakan?
2. Apakah tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti-aktiviti pemupukan waja diri yang diadakan di dalam kelas?
3. Bagaimanakah strategi pemupukan waja diri dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak prasekolah?

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Tinjauan kepustakaan (Benard, 1991; Henderson & Milstein, 2003) menunjukkan bahawa terdapat banyak jenis faktor pelindung, namun hanya tiga faktor pelindung dipilih untuk kajian ini, iaitu *hubungan rapat*, *pengawalan diri* dan *daya usaha*. Ketiga-tiga faktor pelindung tersebut saling menyokong antara satu sama lain. Dalam kajian ini, hubungan rapat antara kanak-kanak dengan guru membolehkan kanak-kanak berasa selamat bersama dengan guru. Seterusnya, kanak-kanak juga boleh mempercayai guru. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak dapat mengawal diri dengan baik. Pengawalan diri membawa kepada kestabilan emosi dan kebolehan mengawal tingkah laku. Hal ini seterusnya membawa kepada daya usaha kanak-kanak untuk meneroka dan berdikari.


(a) *Hubungan rapat* merupakan suatu perhubungan yang kuat dan kekal lama antara kanak-kanak dan guru (Koralek, 1999). Dalam kajian ini, guru sebagai orang dewasa yang penyayang dapat memberi sokongan, bimbingan dan galakan kepada kanak-kanak. Hubungan rapat membawa kepada perasaan percaya mempercayai dan perasaan ini merupakan syarat utama untuk memperoleh pengawalan diri (Koralek, 1999).

(b) *Pengawalan diri* merangkumi pengawalan emosi, gerak hati dan tingkah laku. Ia merupakan kebolehan untuk mengalami pelbagai perasaan dengan menggunakan perkataan dan perlakuan yang dianggap sesuai oleh masyarakat (Koralek, 1999). Kemahiran yang berkaitan dengan pengawalan diri menyebabkan kanak-kanak dapat berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya dan orang dewasa dengan baik, dan dapat mengambil bahagian dalam rutin dan aktiviti kelas. Melalui pengawalan tingkah laku dan emosi, kanak-kanak berkeyakinan untuk meneroka alam di sekitar mereka (Koralek, 1999).

(c) *Daya usaha* merupakan kebolehan kanak-kanak untuk berfikir dan bertindak sendiri untuk memenuhi keperluan. Dengan bertambahnya kebolehan berdikari, kanak-kanak mulai membuat keputusan sendiri mengenai aktiviti yang mereka ingin sertai

(Ormrod, 2000). Dalam kajian ini, guru sebagai pelaksana strategi-strategi pengajaran akan membimbing kanak-kanak membina daya usaha melalui aktiviti-aktiviti terancang seperti kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dan menjalankan aktiviti sendiri, manakala guru memberi galakan dan sokongan. Di samping itu, guru membantu kanak-kanak membuat pilihan yang realistik yang tidak akan bercanggah dengan keperluan orang lain. Kanak-kanak yang mempunyai daya usaha untuk membuat sesuatu akan menjadi lebih berjaya. Melalui pemupukan faktor pelindung tersebut, waja diri kanak-kanak dapat ditingkatkan.

Ketiga-tiga faktor pelindung yang merupakan pemboleh ubah utama kajian ini dapat digambarkan melalui kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Nota. SK1= Soalan Kajian 1; SK2= Soalan Kajian 2; SK3= Soalan Kajian 3.

Dalam kajian ini, faktor-faktor pelindung dipupuk melalui strategi-strategi pemupukan waja diri di dalam kelas. Strategi-strategi tersebut telah diubah suai daripada Program DECI (Koralek, 1999) dan Program RIRO (Hall, 2003) mengikut konteks Malaysia. Strategi-strategi program harian, aktiviti dan pengalaman serta interaksi yang menyokong (*supportive interaction*) dipilih daripada Program DECI manakala strategi pemikiran fleksibel dipilih daripada Program *RIRO*. Strategi-strategi tersebut dijalankan dalam kelas. Tumpuan diberikan pada aktiviti-aktiviti yang dapat dikendalikan oleh guru. Aktiviti-aktiviti tersebut dirangka mengikut tema mingguan dan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Sepanjang masa strategi-strategi tersebut dijalankan dalam kelas, tindak balas kanak-kanak prasekolah diteliti. Waja diri kanak-kanak dikenal pasti dengan meneliti ciri-ciri faktor pelindung hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha yang ditunjukkan oleh kanak-kanak sebelum dan sepanjang masa aktiviti-aktiviti pemupukan waja diri diadakan. Seterusnya, cara strategi kajian dapat meningkatkan waja diri kanak-kanak prasekolah dikenal pasti.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa konsep dan istilah yang memerlukan penjelasan bagi memudahkan pemahaman keseluruhan kajian. Konsep dan istilah berkenaan diberikan definisi operasional untuk memberi maksud yang sesuai dengan tumpuan dan keperluan kajian.

1.8.1 Kanak-kanak Prasekolah

Dalam kajian ini, kanak-kanak prasekolah ialah kanak-kanak yang berumur antara lima hingga enam tahun. Mereka belajar di prasekolah yang berada di sekolah rendah kebangsaan.

1.8.2 Pemupukan

Pemupukan membawa maksud usaha yang dijalankan untuk meningkatkan waja diri kanak-kanak melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah (Koralek,1999). Pemupukan waja diri dalam kajian ini diukur melalui peningkatan ciri-ciri atau kekerapan berlakunya ciri-ciri tiga faktor pelindung, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha berdasarkan pemerhatian.

1.8.3 Waja Diri

Waja diri merupakan kebolehan seseorang kanak-kanak mengawal emosi, pemikiran dan perlakuan dengan cara yang sesuai semasa berhadapan dengan cabaran seharian ataupun ketika berada dalam kesusahan. Kanak-kanak yang mempunyai waja diri yang tinggi dapat menyesuaikan diri dengan baik semasa menghadapi kesulitan dan membina kecekapan sosial walaupun terdedah kepada tekanan yang kuat (Johnson, Howard & Dryden, 1997). Waja diri kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini diukur melalui peningkatan ciri-ciri atau kekerapan berlakunya ciri-ciri tiga faktor pelindung, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha. Peningkatan ciri-ciri atau kekerapan berlakunya ciri-ciri tiga faktor pelindung dilihat berdasarkan perubahan tingkah laku kanak-kanak.

1.8.4 Faktor Pelindung

Faktor pelindung merupakan ciri-ciri atau sifat yang ada pada seseorang atau dalam persekitaran yang kurang kesan negatif bagi situasi yang penuh dengan tekanan (Cooper, Estes & Allen, 2004; Resiliency Canada, 2003). Tambahan lagi, faktor pelindung merupakan kualiti atau ciri-ciri yang dapat melindungi kanak-kanak daripada melibatkan diri dalam aktiviti yang membawa kesan buruk kepada mereka (Burgo, 2005). Tiga faktor pelindung diberi tumpuan dalam kajian ini, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha.

(i) Hubungan Rapat

Hubungan rapat merupakan perhubungan yang kuat dan berkekalan antara kanak-kanak dengan guru di prasekolah (Koralek, 1999). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, hubungan rapat merujuk kepada hubungan yang kekal dan mesra antara subjek kajian dengan guru. Ciri-ciri yang menunjukkan hubungan mesra dengan rakan-rakan juga diteliti kerana mengikut tinjauan bacaan (Gavin dan Furman, 1996; Owens, 2002), kanak-kanak yang dapat menjalin hubungan rapat dengan orang dewasa dan mempunyai perasaan selamat, biasanya mereka dapat menjalin perhubungan yang mesra dengan rakan-rakan. Dalam kajian ini, hubungan rapat diukur dari aspek kasih sayang subjek kajian terhadap guru dan rakan-rakan, kepercayaan subjek kajian terhadap guru dan rakan-rakan, kasih sayang rakan-rakan terhadap subjek kajian dan kasih sayang guru terhadap subjek kajian (Rujuk Lampiran F).

(ii) Pengawalan Diri

Pengawalan diri merupakan kebolehan kanak-kanak untuk mengalami berbagai-bagai jenis perasaan dan dapat menyatakan perasaan tersebut dengan menggunakan perkataan dan perlakuan yang dianggap sesuai oleh masyarakat (Koralek, 1999). Kebolehan tersebut diukur dari aspek tingkah laku, emosi dan kognitif (Rujuk Lampiran F).

(iii) Daya Usaha

Daya usaha merujuk kebolehan kanak-kanak untuk menggunakan pemikiran dan perlakuan secara berdikari untuk memenuhi keperluannya (Koralek, 1999). Daya usaha kanak-kanak diukur dari aspek menguruskan hal-hal sendiri, memulakan aktiviti, mencuba sesuatu yang baru, tabah dan gigih untuk mencuba lagi walaupun menemui kegagalan (Rujuk Lampiran F). Dalam kajian ini, ketiga-tiga faktor pelindung diukur berdasarkan ciri-ciri yang menonjol dan ketara daripada pemerhatian tingkah laku kanak-kanak.

1.8.5 Strategi

Strategi meliputi perancangan kaedah mengajar untuk mencapai objektif jangka panjang dalam sesuatu pendekatan dengan berkesan (Mok Soon Sang, 2003). Strategi boleh diibaratkan sebagai suatu susunan pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat dengan menggunakan tenaga, masa serta kemudahan secara optimum. Untuk mencapai objektif-objektif pengajaran, seseorang guru biasanya menggunakan gabungan beberapa pendekatan serta kaedah mengajar tertentu. Rancangan gabungan pendekatan dan kaedah serta turutan pendekatan dan kaedah itu dilaksanakan merupakan strategi pengajaran (Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik, 2010). Dalam kajian ini, strategi melibatkan empat strategi berikut: (1) Program Harian, (2) Aktiviti dan Pengalaman, (3) Interaksi yang Menyokong, dan (4) Pemikiran yang Fleksibel.

1.8.6 Kaedah

Kaedah mengikut Kamus Dewan (2007) bermaksud cara atau aturan (membuat sesuatu), hukum atau prinsip. Justeru itu, sesuatu kaedah terdiri daripada sesuatu siri tindakan yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu matlamat (Ee Ah Meng, 1999a). Kaedah pengajaran adalah terdiri daripada beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan yang tertentu (Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik, 2010). Pengajaran yang dimaksudkan ialah segala aktiviti seseorang untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal dalam diri seseorang yang lain. Lantaran itu, kaedah-kaedah pengajaran adalah seperti bercerita, perbincangan, bermain, latih tubi, main peranan, menyelesaikan masalah, perbincangan, kuiz, lakonan, projek, soalan dan lain-lain lagi.

1.8.7 Pendekatan

Pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran (Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik, 2010). Pendekatan-pendekatan wujud berdasarkan aspek-aspek pengajaran yang

kita ingin utamakan atau memberi perhatian yang lebih utama. Sebab itu ada kalanya pendekatan meyerupai klasifikasi pengajaran di mana jenis-jenis pendekatan wujud berdasarkan kriteria-kriteria yang kita gunakan untuk meneliti proses pengajaran. Pendekatan-pendekatan pengajaran boleh digolongkan mengikut cara pengelolaan murid, cara-cara fakta disampaikan, keaktifan pengajaran atau pelajar, pengajaran bahasa dan pengajaran mata pelajaran lain. Pendekatan pengajaran yang berasaskan pengelolaan murid adalah seperti pendekatan individu, pendekatan pasangan, pendekatan kumpulan, pendekatan kelas, pendekatan kelas bercantum dan sebagainya.

1.8.8 Aktiviti

Aktiviti mengikut Kamus Dewan (2007) bermaksud kegiatan. Dalam kajian ini, aktiviti merupakan kegiatan yang dijalankan dalam kelas mengikut strategi terancang untuk mencapai sesuatu objektif, termasuk aktiviti kelas, kumpulan dan individu.

1.8.9 Tindak Balas

Tindak balas mengikut Kamus Dewan (2007) bermaksud tindakan yang diakibatkan oleh suatu tindakan lain. Dalam kajian ini, tindak balas meliputi tindakan kanak-kanak prasekolah dari segi perlakuan, emosi dan pemikiran yang dapat diperhatikan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana:

1. dapat memberi sumbangan idea mengenai strategi-strategi yang boleh digunakan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah agar dapat memperkasakan diri dan berjaya mengatasi risiko kehidupan. Sumbangan ini sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan individu atau warga negara yang memiliki ciri-ciri berdaya saing pada peringkat global dan lokal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001),

2. kajian ini membekalkan maklumat mengenai keadaan waja diri kanak-kanak prasekolah dan dapat memberi satu petunjuk kepada guru prasekolah untuk meneroka lebih mendalam lagi cara-cara yang sesuai untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah,
3. dapat membekal maklumat kepada ibu bapa dan masyarakat supaya menyedari bahawa peningkatan waja diri kepada kanak-kanak prasekolah adalah penting demi mengelakkan kanak-kanak mempunyai masalah emosi dan akhlak pada masa depan,
4. mengorak langkah pertama untuk menjalankan kajian mengenai waja diri kanak-kanak prasekolah. Hingga setakat ini, terdapat kajian dijalankan terhadap pelajar sekolah menengah, ibu bapa yang mempunyai anak kecacatan pendengaran dan juga kaunselor sekolah. Masih tiada kajian mengenai pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi perintis kepada kajian yang berfokus kepada pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah, dan
5. membekalkan maklumat mengenai strategi pengajaran yang boleh digunakan untuk memupuk waja diri kanak-kanak prasekolah. Maklumat tersebut menambah pengetahuan dalam bidang kajian berkaitan dengan cara-cara pemupukan waja diri melalui strategi-strategi yang boleh dijalankan dalam bilik darjah. Sehubungan itu, diharapkan kajian ini dapat menarik minat para pendidik dan pengkaji agar mencetuskan lebih banyak lagi kajian lanjutan supaya dapat menghasilkan pelbagai strategi atau aktiviti yang berkaitan dengan penerapan waja diri dan dapat saling lengkap-melengkapi kurikulum prasekolah.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes kualitatif terhadap kanak-kanak prasekolah di sekolah kebangsaan. Oleh yang demikian, tempat dan subjek kajian yang terlibat adalah terbatas. Dapatan dan rumusan yang terhasil daripada kajian ini hanya mencakup subjek kajian dalam konteks berkenaan dan generalisasi kepada populasi kanak-kanak prasekolah secara keseluruhan tidak dilakukan. Hasil kajian cuma menggambarkan proses pemupukan waja diri bagi kanak-kanak prasekolah yang berumur lima hingga enam tahun di prasekolah yang dikaji.

Selain itu, skop kajian ini terbatas kepada proses pemupukan waja diri dengan memberi tumpuan pada tiga faktor pelindung, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha sahaja. Ciri-ciri faktor pelindung tersebut juga terbatas kepada ciri-ciri yang tersenarai dalam senarai semak sahaja disebabkan tenaga dan masa yang terhad bagi pengkaji menjalankan kajian ini. Tambahan lagi, strategi-strategi yang digunakan hanya dihadkan pada program harian, aktiviti dan pengalaman, interaksi yang menyokong dan pemikiran yang fleksibel.

Di samping itu, kaedah kajian terbatas kepada pemerhatian, temu bual dan menganalisis dokumen sahaja. Data dikutip daripada sebilangan kecil kanak-kanak prasekolah dari sebuah prasekolah. Maka semua dapatan kajian adalah secara tentatif dan memerlukan kajian lanjutan.

1.11 Rumusan

Bab ini bermula dengan membekalkan maklumat tentang kepentingan waja diri dalam abad ke-21 yang penuh dengan cabaran. Perbincangan ini membawa kepada keperluan pemupukan waja diri harus bermula dari prasekolah lagi. Seterusnya perbincangan tentang latar belakang dan pernyataan masalah kajian dalam bab ini telah menunjukkan bahawa waja diri amat penting untuk setiap individu. Sehubungan itu,

pemupukan waja diri harus bermula dari tahap prasekolah lagi sebab pada tahap tersebut kanak-kanak lebih mudah menerima pengaruh persekitaran dan merupakan masa yang terbaik untuk perubahan. Kerangka konseptual menunjukkan bahawa proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah boleh difahami melalui pemupukan tiga faktor pelindung kanak-kanak, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha. Faktor pelindung tersebut dipupuk melalui program pemupukan waja diri yang dijalankan dalam kelas. Program pemupukan waja diri tersebut merangkumi Strategi Program Harian, Strategi Aktiviti dan Pengalaman, Strategi Interaksi yang Menyokong dan Strategi Pemikiran yang Fleksibel. Tindak balas kanak-kanak berkaitan dengan tiga faktor pelindung diberikan perhatian untuk mengenal pasti waja diri kanak-kanak. Hal ini dikaitkan dengan cara-cara strategi kajian mempengaruhi waja diri kanak-kanak prasekolah. Seterusnya kepentingan kajian memberi gambaran tentang kepentingan kajian ini dari aspek dapat memberi maklumat yang penting mengenai cara-cara waja diri kanak-kanak prasekolah dapat dipupuk sehingga kepada penggubalan kurikulum untuk menerapkan strategi pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah dalam kurikulum. Walau bagaimanapun kajian ini terbatas dalam aspek reka bentuk, tempat, subjek kajian, skop kajian, kaedah kajian dan data kajian. Bab yang seterusnya akan membekalkan maklumat mengenai tinjauan bacaan tentang kerangka teori dan program pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah.

BAB 2

TINJAUAN BACAAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai kajian dalam bidang waja diri dan isu-isu lain yang berkaitan dengan kajian dalam aspek-aspek ini. Perbincangan bermula dengan memberikan suatu gambaran mengenai konsep waja diri, diikuti dengan huraian tentang faktor pelindung sebagai pemangkin kepada pemupukan waja diri iaitu perhubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha. Perkaitan antara ketiga-tiga faktor pelindung tersebut dihuraikan sebagai konsep asas untuk kajian ini yang bertujuan untuk memahami proses pemupukan waja diri kanak-kanak prasekolah. Model-model berkenaan dengan pemupukan waja diri dan teori-teori yang menyokong kajian juga diterangkan. Selain itu, perkembangan kajian waja diri kanak-kanak dan program-program waja diri dihuraikan. Akhir sekali, huraian mengenai penyelidikan waja diri di Malaysia dijelaskan.

2.2 Konsep Waja Diri

Tiada satu definisi yang diterima secara universal mengenai waja diri walaupun kebanyakan definisi yang digunakan dalam literatur adalah lebih kurang sama (Henderson & Milstein, 2003). Benard (1991) menganggap waja diri sebagai suatu mekanisme pelindung yang dapat membawa pengubahsuaian yang berjaya kepada seseorang walau pun sepanjang masa perkembangannya terdapat faktor risiko yang tinggi. Wolin dan Wolin (1993) menerangkan waja diri sebagai kebolehan individu yang dapat menahan kesusahan dan memulih dari kesusahan. Mengikut Henderson dan Milstein (2003), waja diri merupakan kebolehan manusia memulih dari pengalaman hidup yang negatif dan selalu menjadi lebih kuat dalam proses mengatasi kesusahan. Maka waja diri menerangkan fenomena seseorang individu yang dapat mengharungi suasana persekitaran yang menampakkan risiko-risiko kegagalan yang jelas dengan jayanya (Shahabudin Hashim & Rohizani Yaakub, 2004). Mengikut Shahabudin Hashim & Rohizani Yaakub lagi, sifat keperkasaan yang digambarkan

seperti besi dalam diri seseorang dapat membuka jalan untuk melepaskan atau menjauhkan individu tersebut daripada risiko-risiko yang negatif. Ahli-ahli behavioris menggunakan istilah waja diri untuk menerangkan tiga jenis fenomena: (1) hasil perkembangan yang positif dalam kalangan kanak-kanak yang hidup dalam konteks yang berisiko tinggi, misalnya dalam keadaan hidup yang miskin, (2) terus mengekalkan kecekapan walau pun di bawah tekanan yang berlanjutan, misalnya hal-hal berkisar tentang penceraian ibu bapa, (3) pemulihan daripada trauma, khasnya ketakutan disebabkan peperangan. Secara umum, waja diri didefinisikan sebagai kebolehan memulih dari kesusahan, menyesuaikan diri kepada tekanan dan masalah yang dihadapi dan membina kecekapan dari aspek sosial, akademik dan vokasional. Waja diri kanak-kanak prasekolah untuk kajian ini merupakan personaliti yang dapat mengawal emosi, pemikiran dan perlakuan dengan cara yang sesuai semasa berhadapan dengan cabaran harian atau pun berada dalam situasi kesusahan. Mereka dapat menyesuaikan diri secara berjaya semasa menghadapi kesulitan dan membina kecekapan sosial walaupun terdedah kepada tekanan yang kuat (Johnson, Howard, Dryden & Johnson, 1997).

Waja diri adalah penting untuk kejayaan dan kepuasan dalam kehidupan. Dalam keadaan serba kesempitan, belia-belua yang bersifat waja boleh mengatasi persekitaran hidup yang serba kekurangan untuk berkembang menjadi orang dewasa yang cekap dan berjaya (Werner & Smith, 1992a). Seperti yang disarankan oleh Collard, Epperheimer dan Saign (1996), orang dewasa yang bersifat waja, mungkin terkandas di dalam kegawatan ekonomi, hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, namun mereka akan belajar kemahiran baru dan bangkit semula dengan bersemangat walaupun keadaan masih tidak menentu dan berisiko kegagalan.

Pengkaji-pengkaji waja diri menegaskan bahawa pembentukan waja diri merupakan suatu proses. Proses perkembangan waja diri merupakan proses kehidupan. Waja diri berbeza mengikut individu (Henderson & Milstein, 2003). Waja diri merupakan mekanisme

dalam yang memberikan dorongan kepada diri sendiri. Waja diri bukanlah secara statik tetapi berkembang dan berubah mengikut masa, dipertingkatkan oleh faktor-faktor pelindung yang didapati dalam individu dan juga sosial persekitaran seseorang (Henderson & Milstein, 2003; Resiliency Canada, 2003). Maka waja diri bukan kualiti yang nyata yang hanya mempunyai atau tidak mempunyai. Kanak-kanak mungkin lebih atau kurang mempunyai waja diri pada tahap kehidupan yang berlainan, bergantung pada interaksi dan akomodasi faktor individu dan persekitaran (Johnson, Howard, Dryden & Johnson, 1997). Benard (1991) juga melihat perkembangan waja diri sebagai suatu proses, iaitu proses perkembangan kemanusiaan yang sihat. Suatu proses yang dinamik di mana personaliti dan pengaruh persekitaran berinteraksi dan hasilnya ditentukan oleh keseimbangan antara faktor risiko dengan faktor pelindung.

Sebenarnya setiap orang mempunyai sesetengah ciri waja diri. Lebih banyak ciri waja diri dapat dibentuk lagi. Literatur menunjukkan bahawa pembinaan waja diri merupakan suatu proses jangka panjang. Mengikut Werner dan Smith (1992a) serta Higgins (1994), ramai kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran berisiko tinggi, waja diri mereka tidak berkembang sepenuhnya tetapi berkembang kemudian.

Walaupun sesetengah individu mempunyai ciri-ciri baka yang membawa kepada waja diri, kebanyakan ciri-ciri yang berkaitan dengan waja diri dapat dipelajari (Higgins, 1994). Tambahan lagi, Higgins berpendapat bahawa waja diri dapat dipupuk melalui strategi-strategi tertentu di sekolah seperti yang ditunjukkan oleh kajian mengenai waja diri dan sekolah berkesan. Berdasarkan hujah-hujah tersebut maka kajian ini dilaksanakan untuk meninjau proses perkembangan waja diri kanak-kanak prasekolah. Adakah waja diri kanak-kanak berubah mengikut masa? Faktor-faktor pelindung kanak-kanak seperti hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha akan diberikan tumpuan. Strategi-strategi yang diubahsuaikan dari Program *Devereux Early Childhood Initiative* dan Program *Reaching In Reaching Out* akan digunakan supaya waja diri kanak-kanak

prasekolah dapat dipupuk berdasarkan faktor-faktor pelindung hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha.

2.3 Faktor Pelindung

Faktor pelindung merujuk kepada situasi atau pengaruh yang mengurangkan faktor-faktor yang berisiko serta membangkitkan elemen-elemen waja diri (Resiliency Canada, 2003). Sehubungan ini, faktor-faktor pelindung dapat meredakan kesan negatif, contohnya tekanan bagi kanak-kanak yang berisiko. Apabila kanak-kanak yang berisiko dapat membina faktor pelindung dengan baik, mereka besar kemungkinan dapat hidup dengan baik. Sebaliknya, kanak-kanak berisiko yang mempunyai kurang faktor pelindung besar kemungkinan akan mengalami masalah emosi dan juga tingkah laku (Resiliency Canada, 2003). Maka faktor pelindung merupakan kualiti yang dapat melindungi kanak-kanak daripada melibatkan diri dalam aktiviti yang membawa kesan buruk kepada mereka (Burgo, 2005). Mengikut Burgo lagi, kanak-kanak yang mempunyai faktor pelindung, dikenali sebagai kanak-kanak yang mempunyai waja diri, berkecenderungan tidak terlibat dalam perlakuan seperti kaki minum, menagih dadah atau tercicir dalam pelajaran.

Faktor pelindung merupakan ciri-ciri dalaman atau ciri-ciri persekitaran yang dapat mengurangkan kesan negatif. Terdapat dua jenis faktor pelindung yang beroperasi sebagai dua kumpulan tenaga perkembangan, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah keluarga, rakan sebaya, sekolah dan komuniti, misalnya sebuah keluarga yang dapat memberi sokongan merupakan faktor pelindung. Faktor dalaman adalah ciri-ciri personaliti seperti pemberian kuasa, pengawalan diri, kesedaran tentang budaya, konsep sendiri dan kesedaran sosial. Jelas bahawa faktor pelindung boleh didapati pada individu, keluarga, sekolah dan komuniti. Dalam kajian ini faktor pelindung yang diutamakan adalah pada individu dan sekolah. Tiga faktor pelindung individu, iaitu hubungan rapat, pengawalan diri dan daya usaha diberikan tumpuan. Faktor pelindung individu dan faktor pelindung di sekolah akan diuraikan dalam perbincangan seterusnya.

2.3.1 Faktor Pelindung Individu

Faktor pelindung individu merujuk kepada kekuatan yang membawa kepada waja diri individu. Waja diri ini terbentuk melalui pengalaman situasi dan perhubungan yang berkaitan dengan ahli-ahli keluarga, sekolah dan komuniti (Resiliency Canada, 2003). Sorotan kajian menunjukkan bahawa pelbagai kemahiran, sifat atau kebolehan ada pada seseorang kanak-kanak yang mempunyai waja diri. Seperti dinyatakan oleh Benard (1991), kanak-kanak yang mempunyai waja diri dapat mewujudkan lebih banyak respons yang positif daripada orang lain, lebih aktif, lebih fleksibel dan dapat menyesuaikan diri walau pun pada peringkat bayi. Kanak-kanak tersebut mempunyai empat kualiti yang khusus, iaitu kecekapan sosial, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, autonomi dan mempunyai matlamat.

Kecekapan sosial menyebabkan kanak-kanak dapat berinteraksi dengan menggunakan jenis komunikasi yang sesuai, empati, penyayang, mudah cara, bertanggungjawab dan mempunyai sifat humor (Cooper, Estes & Allen, 2004).

Kemahiran menyelesaikan masalah termasuk kebolehan berfikir secara reflektif dan fleksibel dan dapat mencari penyelesaian yang alternatif untuk masalah kognitif dan sosial. Kajian yang dijalankan ke atas kanak-kanak yang mempunyai waja diri menunjukkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah dapat dikenal pasti pada tahap prasekolah (Benard, 1991). Kanak-kanak prasekolah yang dapat menunjukkan kebolehan mengubah sesuatu situasi yang mengecewakan, berkecenderungan cekap dan aktif dalam sekolah rendah nanti (Halverson dan Waldrup, 1974).

Kanak-kanak yang mempunyai kebolehan autonomi dapat bertindak secara berdikari dan dapat menguasai persekitaran sendiri dalam lingkungan tertentu. Biasanya kanak-kanak tersebut dapat mengenal pasti dengan jelas antara pengalaman sendiri dengan kelemahan yang terdapat pada ibu bapa. Mereka menyedari bahawa masa depan mereka akan berlainan